

PANDUAN MENGISI BORANG KKM – PPKM -1/09

Jenis Permohonan : Tandakan (/) di dalam petak yang berkenaan

- A. Kategori Premis**
- Tanda (/) di dalam petak yang berkenaan mengikut kategori dan nyatakan jenis premis mengikut definisi di bawah**
- i. Premis makanan yang terlibat dalam pengilangan makanan**
Premis yang terlibat dalam penyediaan, pemprosesan, pembungkusan dan pemprosesan semula makanan untuk tujuan penjualan
 - ii. Premis makanan yang terlibat dalam katering atau katering makanan besar- besaran**
Pengusaha yang menyediakan perkhidmatan penyediaan, penyajian dan pembekalan makanan (diedar dan dihidangkan terus kepada pelanggan).
 - iii. Premis di mana makanan disediakan, diproses, disimpan dan dihidangkan untuk jualan**
Jenis Premis Makanan
 - a. Restoran (termasuk kedai makan yang mempunyai kemudahan asas mencukupi)
 - b. Gerai
 - i. Pusat penjaja (Gerai melebihi 2 unit yang dimiliki oleh entiti lain disediakan kemudahan asas dan diusahakan oleh penyewa)
 - ii. Gerai (Premis makanan tanpa kemudahan asas yang lengkap, samada dimiliki atau disewa)
 - iii. Penjaja (Premis makanan tanpa menyediakan meja dan bangku untuk pengunjung)
 - iv. Semua kenderaan yang makanan sedia dimakan dijual**
Pengusaha yang menjalankan perniagaan makanan yang sedia dimakan dengan menggunakan kenderaan samada bermotor atau tidak, termasuk peniaga yang menjual makanan mentah tapi dalam masa yang sama turut menjual makanan yang sedia dimakan. Tidak termasuk kenderaan untuk pengedaran makanan.
- B. Maklumat Pemohon**
- 1. **Nama pemohon** : Nama seperti yang tercatat di dalam kad pengenalan atau pasport
 - 2. **No. Kad Pengenalan** : No. kad pengenalan baru pemohon
No. pasport : Khusus untuk warganegara asing
Pemohon hendaklah mengemukakan satu (1) salinan kad pengenalan atau pasport (*Applicant must provide one (1) copy of identity card or passport*)
 - 3. **Alamat pemohon** : Alamat surat menyurat terkini yang boleh dihubungi
 - 4. **No. telefon bimbit** : Sila nyatakan jika ada
 - 5. **Alamat e-mel** : Sila nyatakan jika ada
- C. Maklumat Perniagaan**
- 1. **Nama Syarikat** : Nama syarikat seperti yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), jika ada sertakan satu salinan pendaftaran syarikat
 - 2. **Alamat Syarikat** : Alamat seperti yang didaftarkan dengan SSM
 - 3. **Alamat Premis** : Sila nyatakan jika berbeza dengan alamat syarikat
 - 4. **Daerah** : Rujuk Lampiran Senarai Negeri dan Daerah
 - 5. **Negeri** : Nyatakan Negeri bagi alamat premis
 - 6. **No. Pendaftaran Syarikat:** Seperti diberikan oleh SSM
 - 7. **No. Lesen PBT** : No. lesen yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) contohnya Majlis Perbandaran Muar, Majlis Daerah Ketereh, DBKL
 - 8. **No. Lesen Lain Yang Berkaitan** : No. lesen lain yang berkaitan contohnya lesen air minuman berbungkus dan kilang ais
 - 9. **No. Telefon Pejabat** : Sila nyatakan, jika ada
 - 10. **No. Fax** : Sila nyatakan, jika ada
 - 11. **Jenis Bangunan** :
 - Kekal – Bangunan konkrit dan mendapat kelulusan CF
 - Separuh kekal – Bangunan separuh konkrit dan separuh papan
 - Sementara – Binaan bangunan dari papan dan kayu
 - 12. **Status premis** : Tandakan (/) di dalam petak yang berkenaan
 - 13. **Jenis premis** : Tandakan (/) di dalam petak yang berkenaan
 - 14. **Bil. Pekerja** : Sila isi bilangan pekerja terkini di dalam kotak yang berkenaan
 - 15, 16 & 17. **Jenis dan jenama produk** : Khusus untuk kilang makanan sahaja, sila nyatakan pasaran produk sama ada untuk pasaran domestik atau eksport atau kedua-duanya sekali, kategori produk dan negara pengeksport serta jenis produk akhir yang dihasilkan
 - 18. **Program Jaminan Keselamatan Makanan** : Tandakan (/) di dalam petak yang berkenaan. Jika selain daripada HACCP GMP, MS 1514:2009, MS 1480:2007 dan ISO 22000:2005, kilang yang telah melaksanakan program jaminan keselamatan makanan sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan 9, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 tetapi tidak memperoleh pengiktirafan daripada mana-mana badan persijilan, sila pilih GHP/Lain-lain

19. **Jenis Kenderaan** : Tandakan (/) di dalam petak yang berkenaan hanya satu kenderaan bagi satu borang pendaftaran
20. **No. Pendaftaran Kenderaan** : Sila nyatakan jika ada